

Pejabat/Agen :	<b>Nota:</b> (i) Ketika mengisi borang ini sila pastikan semua soalan telah dijawab sepenuhnya. (ii) Insurans ini tidak akan berkuatkuasa sehingga borang cadangan itu telah di terima oleh pihak syarikat	No Nota Perlindungan: No Polisi :
----------------	--	---

**NOTIS PENTING**

**Kontrak Insurans Pengguna**

Menurut penerangan 5 daripada jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, Jika anda memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon insurans ini). Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan dalam Borang Cadangan ini dengan lengkap dan tepat. Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insurans anda, keengganan atau pengurangan gantirugi perubahan terma atau penamaan kontrak insurans anda. Kewajipan pendedahan di atas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami. Sebagai tambahan kepada soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon insurans ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.

**Kontrak insurans Komersial**

Menurut perenggan 4 (1) Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda berkewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan dan apa-apa perkara yang munasabah yang boleh dijangka, jika tidak ia boleh menyebabkan pembatalan kontrak insurans, keengganan atau pengurangan ganti rugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda. Kewajipan pendedahan di atas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami. Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.

Anda perlu memberitahu semua fakta penting seperti pekerjaan anda, perjalanan yang dicadangkan dan tugas anda yang mungkin akan memberi kesan profil risiko dan bilangan polisi kemalangan diri yang anda telah beli dari syarikat insurans lain.

1. Nama Pencadang:		
2. Alamat:		Poskod:
3. No.Kad Pengenalan:	No Pendaftaran Perniagaan :	No.Pasport
4. No.Telefon:	No Telefon Bimbit:	No Faks:
5. Pekerjaan:		
6. Tempoh Insurans : Dari _____ Sehingga _____ (termasuk kedua-dua tarikh)		

**MAKLUMAT AHLI KELUARGA UNTUK DIINSURANSKAN (PILIHAN)**

	Nama	Jantina	Tarikh Lahir	No K.P/SK
1	Pasangan			
2	Anak			
3	Anak			
4	Anak			
5	Anak			

## JADUAL MANFAAT

No	Manfaat	Pelan A		Pelan B		Pelan C		Pelan D		Kanak kanak
		Pengambil Insurans	Pasangan	Pengambil Insurans	Pasangan	Pengambil Insurans	Pasangan	Pengambil Insurans	Pasangan	
1.	Kematian	25,000	25,000	50,000	50,000	75,000	75,000	100,000	100,000	10,000
2.	Hilang Upaya Sementara	125	-	250	-	375	-	500	-	-
3.	Hilang Upaya Separa Sementara	62.50	-	125	-	187.50	-	250	-	-
4.	Perbelanjaan Perubatan	2,000	2,000	2,000	2,000	2,000	2,000	2,000	2,000	2,000
5.	Pendapatan Hospital Setiap Minggu	100	-	100	-	100	-	100	-	-
6.	Perjalanan Luar Negara	2,500	2,500	2,500	2,500	2,500	2,500	2,500	2,500	2,500
7.	Repatriasi	2,500	2,500	2,500	2,500	2,500	2,500	2,500	2,500	2,500
8.	Idemnti Berganda	<b>BERDASARKAN KECACATAN KEKAL SKALA MANFAAT</b>								

## KADAR PREMIUM

Pelan	A	B	C	D
Jumlah Yang Diinsuranskan	25,000	50,000	75,000	100,000
Kelas Pekerjaan Pekerja				
Kelas 1	85.00	145.00	204.00	263.00
Kelas 2	112.00	193.00	273.00	353.00
Kelas 3	143.00	247.00	351.00	455.00
Pasangan & Kanak-kanak (tambahan) *	45.00	65.00	85.00	105.00

\* Nota: Hanya satu pasangan dan semua anak yang sah berumur diantara 3 bulan sehingga 23 tahun yang berkahwin

**Kelayakan:** 16 hingga 65 tahun

**Kelas 1:** Pekerjaan bukan tenaga buruh, yang melibatkan pengurusan atau pekerjaan yang hanya di pejabat sahaja atau tempat yang tidak berbahaya

**Kelas 2:** Pekerjaan yang melibatkan kerja-kerja penyeliaan atau di luar pejabat untuk tujuan perniagaan, tetapi tidak terlibat dengan kerja-kerja yang menggunakan tenaga buruh .

**Kelas 3:** Pekerjaan yang kadangkala atau biasa menggunakan tenaga buruh untuk kerja-kerja yang tidak berbahaya tetapi terlibat dengan kerja-kerja yang menggunakan peralatan dan mesin  
(Contohnya : Penjual Ikan, Petani, Pemandu teksi/bas, Juruelektrik, Jurutera mekanikal/motor, Mekanik, Pemecah Batu, Tukang paip, Pemotong daging dan sebagainya)

**SOAL SELIDIK (Anda dikehendaki menjawab kesemua soalan. Jangan tinggalkan sebarang pertanyaan tanpa dijawab)**

- |  | Ya                       | Tidak                    |
|--|--------------------------|--------------------------|
| 1. Adakah anda atau mana-mana orang yang diinsuranskan terlibat dalam sukan atau hiburan yang berbahaya  | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 2. Adakah anda atau mana-mana orang yang akan diinsuranskan:   | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| a) perjalanan dengan Helikopter atau pesawat ringan?   | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| b) melawat atau bekerja di pelantar minyak?  | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 3. Pernahkah anda atau mana-mana orang diinsuranskan mengalami apa-apa kecacatan atau kelemahan fizikal, atau mengalami sebarang kecederaan atau penyakit dalam masa 5 tahun lepas?                            | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 4. Adakah sebarang permohonan untuk insurans hayat, kemalangan atau penyakit telah ditolak atau mempunyai tempoh khas dikenakan, atau mempunyai mana-mana penanggung insurans enggan membaharui insurans anda? | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |

5. Adakah anda atau mana-mana orang yang pernah terlibat apa-apa yang berkaitan dengan dadah dan narkotik atau alkohol secara berlebihan atau pernah dirawat untuk alkohol atau dadah?

Sekiranya jawapannya adalah "Ya" kepada mana-mana soalan diatas, sila nyatakan dibawah dan teruskan di helaian berasingan jika perlu.

.....  
.....

#### CIRI-CIRI KHAS

- **Bonus Pembaharuan:** 10% setahun daripada jumlah asal yang diinsuranskan sehingga kepada tahap maksimum sebanyak 30% untuk Orang Yang Diinsuranskan dan Pasangan dengan syarat bahawa tiada tuntutan dibuat dalam tahun insurans yang lengkap.
- **Manfaat Pendapatan Hospital :** Bayaran RM100 seminggu sehingga 104 minggu jika dimasukkan ke hospital akibat daripada kemalangan.
- **Indemniti Berganda :** Bayaran 200% daripada jumlah yang diinsuranskan sekiranya berlaku Hilang Upaya Kekal.
- **Perjalanan Ke Luar Negara :** Bayaran sebanyak RM 2,500 untuk belanja perjalanan ke suatu destinasi luar negara yang ditanggung oleh waris Orang Diinsuranskan dalam hal kematian yang berlaku akibat daripada kemalangan.
- **Manfaat Repatriasi :** Bayaran RM 2,500 untuk belanja penghantaran pulang mayat Orang Yang Diinsuranskan ke Malaysia jika berlakunya kematian di luar Negara akibat kemalangan.
- **Liabiliti Diri:** Perlindungan Liabiliti Orang Yang Diinsuranskan yang sah disisi undang-undang sehingga RM 50,000.00 untuk kerosakan harta benda dan kecederaan anggota badan pada pihak ketiga.

#### PERLANJUTAN TAMBAHAN

Semua sukan amatir kecuali terjun udara/payung terjun atau mana-mana sukan udara lain, Kehilangan dan Pendedahan, Menaiki Pesawat Komersial Berlesen, Bermotorsikal (kecuali yang terlibat dalam aktiviti perlumbaan), Memburu, mendaki gunung sebagai hobi atau dimasa lapang, lemas akibat asap, wasap dan gas beracun, gigitan serangga dan ular, lemas, polo air dan sukan air sebagai hobi atau dimasa lapang, mogok, rusuhan dan kekacauan awam.

#### PEKERJAAN YANG DIKECUALIKAN

Pelatih Haiwan, Artis (filem, penari, band atau teater), Pekerja Perobohan, Penyelam, Pekerja Dok, Pelaut dan Nelayan Joki, Pekerja Pelantar Minyak, Pemandu Tangki Minyak, Polis, Pekerja Kuari, Pembina Kapal dan Pembaikan, Pemanjat Menara, Pemunggah Kapal, Pembalak atau Kerja Pembersihan Hutan, Pembersih Tingkap (luaran melebihi ketinggian 30 kaki) Tukang Kayu, Pekerja Mengendalikan Bahan Letupan, Krew Kapal Terbang, Angkatan Bersenjata Dan Kakitangan Perkhidmatan, Pelombong dan Pekera Bawah Tanah, Atlet Profesional, Pelumba kereta dan Ahli Sukan, Tentera Laut, Tentera atau Operasi Perkhidmatan Angkatan Tentera Laut,, Anak Kapal, Pemandu Ambulans, Penguji Pesawat, Juruterbang atau Anak Kapal Pesawat, Pegawai Penguatkuasa Undang-Undang dan Wartawan Perang.

*"Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada Polisi Kontrak untuk senarai penuh pengecualian dibawah polisi ini."*

#### PERAKUAN

Saya dengan ini mengaku bahawa butiran diatas dan kenyataan di halaman sebelah adalah benar dan lengkap dan saya tidak merahsiakan sebarang maklumat yang mungkin mempengaruhi kelulusan permohonan ini. Saya bersetuju bahawa permohonan dan pengakuan ini akan menjadi asas kontrak di antara saya dan The Pacific Insurance Berhad dan bersetuju untuk menerima polisi Syarikat dan tertakluk kepada terma dan syarat-syarat polisi. Adalah difahami dan dipersetujui bahawa perlindungan ini hanya akan menjadi sah jika ia telah diterima oleh Syarikat. Saya seterusnya mengakui bahawa kesemua terma telah diterangkan kepada saya dengan jelas dan saya memahami sepenuhnya semua terma dan juga jawapan yang telah diberikan adalah maklumat benar yang diberikan oleh saya kepada orang yang mengisi borang bagi pihak saya.

\_\_\_\_\_  
Tandatangan pencadang

\_\_\_\_\_  
Tarikh

**Akta Perlindungan Data Peribadi 2010('APDP') Pemberitahuan kepada pelanggan The Pacific Insurance Berhad ("TPIB").** Dibawah APDP, terdapat pelbagai syarat yang mengawal pemprosesan data peribadi. Sila rujuk di [www.pacificinsurance.com.my](http://www.pacificinsurance.com.my) untuk maklumat terperinci notis privasi TPIB APDP.

## PERSETUJUAN UNTUK MENGGUNAKAN DATA PERIBADI UNTUK JUALAN-SILANG, PEMASARAN DAN PROMOSI

Saya secara nyata mengizinkan dan membenarkan The Pacific Insurance Berhad (TPIB) memproses apa-apa maklumat yang saya telah berikan kepada TPIB untuk tujuan penjualan silang, pemasaran dan promosi termasuk pendedahan maklumat-maklumat tersebut kepada syarikat-syarikat lain di dalam kumpulan TPIB, agen-agen dan/atau mana-mana orang atau pihak ketiga sebagaimana dianggap sesuai oleh TPIB

Ya  Tidak

### KAEDAH PEMBAYARAN

- Pembayaran Tunai RM \_\_\_\_\_
- Bayaran Cek dibayar kepada The Pacific Insurance Berhad. No Cek \_\_\_\_\_ RM \_\_\_\_\_
- Saya dengan ini membenarkan The Pacific Insurance Berhad untuk mengenakan bayaran kepada akaun kad kredit caj premium RM \_\_\_\_\_

Kad kredit / No akaun .  Visa  MasterCard  Tarikh luput kad:

<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>
----------------------	----------------------	----------------------	----------------------	----------------------	----------------------	----------------------	----------------------	----------------------	----------------------	----------------------	----------------------

Pengeluar Bank \_\_\_\_\_ Tandatangan pemegang kad \_\_\_\_\_

Kutipan bayaran tidak boleh dianggap sebagai penerimaan permohonan anda sehinggalah permohonan diterima oleh penginsurans dan ianya juga tertakluk kepada penjelasan pembayaran anda jika ia dibuat melalui cek atau kad kredit. Sekiranya cek atau kad kredit tidak diterima oleh pihak Bank, permohonan/pembaharuan yang (mana berkenaan) serta resit akan dibatalkan secara automatik dan penginsurans tidak dipertanggungjawabkan keatas apa-apa tuntutan.

### PENGESAHAN KEATAS KESAHIHAN PENGENALAN DIRI

Menurut seksyen 16(2) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram 2001, Saya/Kami dengan ini mengesahkan perkara berikut:

<input type="checkbox"/> Dokumen asal pengenalan diri disemak	
<input type="checkbox"/> Salinan dokumen pengenalan diri dilampirkan untuk individu dengan premium tunggal dan tahunan RM 50,000	
<input type="checkbox"/> Salinan dokumen pengenalan diri dilampirkan untuk kumpulan dengan premium tunggal dan tahunan Melebihi RM100,000	
Tandatangan : _____ Tarikh : _____	Nama penuh: _____ (Nama Kakitangan Penginsurans atau Pengantara) No K.P. : _____

### PENAMAAN

Sila baca terlebih dahulu dengan teliti sebelum tuan/puan melantik penama-penama.

- (1) Penamaan oleh pemegang polisi bukan Islam di bawah Sub perenggan 5(1) Jadual 10, seksyen 130, Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 akan memperuntukan kewujudan amanah yang berpihak kepada penama, sekiranya penama-penama adalah suami/isteri, anak atau jika tiada suami/isteri atau anak tersebut adalah ibubapanya, anda dinasihatkan agar melantik pemegang amanah untuk wang polisi dan sekiranya tiada, maka penama yang paling layak akan menjadi pemegang amanah. Sebagai polisi amanah, anda tidak boleh membatalkan penamaan, mengubah atau menyerahkan polisi atau menyerah hak polisi sebagai gadaian keselamatan tanpa kebenaran pemegang amanah, jika tidak ada pemegang amanah yang dilantik (a) penama yang layak mengikut kontrak: atau (b) jika penama tidak layak untuk kontrak, ibu bapa kepada penama yang tidak layak dan dimana tidak ada ibu bapanya yang masih hidup, Pemegang Amanah Raya, hendaklah menjadi pemegang amanah wang polisi.
- (2) Penama selain dari dibawah Sub perenggan 5(1) Jadual 10, Seksyen 130, Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, yang menerima wang polisi yang dibayar setelah kematian pemegang polisi adalah sebagai perlaksana wasiat dan bukannya sebagai benefisiari menurut seksyen Sub perenggan 6(1) Jadual 10, Seksyen 130, Akta Perkhidmatan Kewangan 2013. Penama bagi seorang pemegang polisi yang beragama Islam, perlu mengagihkan wang tersebut berdasarkan undang-undang Islam.
- (3) Jika anda berhajat untuk menyerahkan hak wang polisi kepada penama selain daripada suami/isteri, anak atau ibubapa anda, maka anda dinasihatkan agar menyerahkan manfaat polisi, kepada penama tersebut dan tidak menyempurnakan penamaan dibawah ini. Borang serah hak boleh didapati atas permintaan.

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada Jadual 10, Seksyen 130 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013.

Saya, sebagai Pencadang /Pemegang Polisi seperti diatas Cadangan untuk Jaminan/Polisi , dengan ini melantik nama-nama yang berikut sebagai penama untuk menerima semua wang polisi yang dibayar apabila saya meninggal dunia. Dengan ini saya mengaku bahawa saya akan berurusan berkenaan polisi ini dengan mematuhi syarat-syarat yang tercatat diatas..

No Cadangan				
Nama dan Alamat Penama	No K.P/ No Sijil Kelahiran/ No Pasport	Tarikh Lahir	Hubungan	% Saham

\_\_\_\_\_

Tandatangan saksi

\_\_\_\_\_

Tandatangan pencadang/pemilik polisi

Nama No K.p: Alamat:	Nama : No K.P: Alamat:
----------------------------	------------------------------

Untuk yang bukan beragama Islam, anda dinasihatkan untuk melantik pemegang amanah agar mewujudkan polisi amanah. NOTA: Bahagian pemegang amanah tercatat dibawah tidak perlu kepada seorang pemegang polisi atau penama beragama Islam selain daripada Sub perenggan 5(1) Jadual 10, Seksyen 130, Akta Perkhidmatan Kewangan 2013.

\_\_\_\_\_

Tandatangan Saksi

\_\_\_\_\_

Tandatangan Pemegang Amanah  
(Saya dengan ini bersetuju bertindak sebagai  
Pemegang amanah terhadap polisi yang tersebut diatas)

Nama : No K.P: Alamat:	Nama : No K.P: Alamat:
------------------------------	------------------------------

Ditandatangani di \_\_\_\_\_ pada \_\_\_\_\_ /20  
(Tempat) (Tarikh) (Bulan) (Tahun)

Nota: Pemegang polisi mestilah sekurang-kurangnya berumur 16 tahun untuk berhak melantik penamaan dan saksi hendaklah berumur tidak kurang daripada 18 tahun dan tidak boleh daripada penama yang dilantik.